

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK • CENTRE FOR ACADEMIC MANAGEMENT**

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5  
 Tarikh : 5 Mei 2020

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 14/2020**

Dekan/Pengarah  
 Fakulti/Institut/Pusat  
 Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**COVID-19: PINDAAN PENAWARAN KURSUS SEMESTER I SESI AKADEMIK 2020-2021  
 BAGI PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Akademik Bil. 4/2020 bertarikh 12 Februari 2020 serta Pekeliling Akademik Bil. 10/2020 bertarikh 17 Mac 2020 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan pengumuman kerajaan menerusi perutusan YAB Perdana Menteri mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 1 Mei 2020 dan Pekeliling Naib Canselor Bil. 4/2020 bertarikh 2 Mei 2020 mengenai Covid-19: Garis Panduan Bekerja sebagai Langkah Pencegahan Penularan Wabak Covid-19 di UKM, Fakulti/Institut/Pusat adalah diminta membuat penawaran kursus Semester I Sesi 2020-2021 ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) untuk semua tahap (prasiswazah/pascasiswazah) mulai **11 Mei 2020 sehingga 24 Mei 2020**. Sukacita sekiranya semua Fakulti/Institut/Pusat dapat berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan proses pendaftaran awal (prasiswazah sahaja) mulai **15 Jun 2020 hingga 12 Julai 2020** berjalan dengan lancar dan teratur.

3. Sehubungan itu, berikut disertakan panduan penawaran kursus yang perlu diberi perhatian:

Bil.	Aktiviti untuk makluman dan tindakan	Pra siswazah	Pasca siswazah
1.	Kursus yang ditawarkan telah diluluskan di peringkat: a) JPPA - Kursus Elektif b) SENAT - Kursus Wajib Kelulusan SENAT pada 20/8/2014, SENAT 402 adalah berkaitan.	✓	✓
2.	Semua kursus yang ditawarkan perlu disertakan dengan maklumat berkenaan: a) Jumlah jangkaan pelajar yang akan mendaftar pada semester berkenaan; b) Jumlah bilangan set kursus yang bakal ditawarkan selepas mengambil kira:	✓	✓



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
 Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my  
 Web: www.ukm.my/akademik

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

Bil.	Aktiviti untuk makluman dan tindakan	Pra siswazah	Pasca siswazah
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tahap pengajian Doktor Falsafah, Sarjana, Diploma Pascasiswazah, Prasiswazah, Antarabangsa Khas dan Tanpa Ijazah;</li> <li>• <b>mulai Semester I 2019-2020, penawaran kursus bagi tahap pengajian pelajar ambilan PKP ditetapkan kepada 2 sahaja iaitu tahap Antarabangsa Khas (bagi pelajar bukan Warganegara) dan tahap Prasiswazah (bagi pelajar Warganegara). Oleh yang demikian, penetapan <u>set</u> dan <u>had pelajar</u> perlu diselaraskan semula dengan mengambil kira bilangan pelajar ambilan PKP bagi kedua-dua tahap tersebut;</b></li> <li>• taraf kursus (contoh: WM,WF,C1 dan C2 - Prasiswazah atau W dan P – Pascasiswazah.);</li> <li>• kepada fakulti yang ditawarkan;</li> </ul> <p>c) Setiap kursus yang ditawarkan perlu dimasukkan nama pensyarah/ tenaga pengajar yang berkaitan untuk mengelakkan pertindanan jadual dengan kursus lain yang diajar dan bagi keperluan Universiti seperti UKMFolio, penilaian pengajaran dan lain-lain yang berkaitan;</p> <p>d) Bilik/dewan kuliah yang dijadualkan adalah bergantung kepada jumlah pelajar mengikut set yang ditetapkan. Bagi fakulti/pusat yang dijadualkan oleh AKADEMIK UKM, mohon maklumkan kepada AKADEMIK UKM mana-mana ruangan yang tidak dapat digunakan pada semester yang berkenaan;</p> <p>e) Kursus yang setara (jika ada) perlu dimasukkan ke dalam SMP. Kegagalan berbuat demikian memberi kesan kepada penjadualan kuliah dan peperiksaan. Contoh kursus CITRA dan Fakulti; dan</p> <p>f) Kursus yang telah ditawarkan, perlu dimodulkan mengikut program pelajar.</p>	✓	✓
3.	Fakulti dibenarkan membuat pindaan jadual kuliah sebelum pendaftaran awal dimulakan. Pindaan selepas tempoh tersebut boleh menyebabkan pertindanan kepada kuliah yang telah didaftarkan oleh pelajar terutama kursus luar fakulti seperti kursus CITRA. Jika pindaan terpaksa dibuat atas sebab-sebab tertentu, fakulti perlu membuat semakan keseluruhan modul pelajar berkaitan.	✓	-
4.	Fakulti dan pusat perlu membuat pemilihan pendaftaran awal mulai <b>13 Julai 2020 hingga 19 Julai 2020</b> . Pelajar yang tidak DIPILIH sebarang kursus akan dikenakan denda RM50 dan diberikan status TIDAK MENDAFTAR.	✓	-
5.	Kursus yang berbentuk projek, latihan ilmiah, disertasi, tesis dan seumpamanya perlu dimasukkan nama penyelia, nama pelajar dan tajuk projek/latihan ilmiah/disertasi/tesis pada semester semasa kursus ditawarkan (sehingga minggu ke-5).	✓	✓



CERTIFIED TO ISO 9001:2015



074



CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my  
Web: www.ukm.my/akademik

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my

4. Sebarang pertanyaan dan bantuan yang diperlukan, pihak Fakulti/Institut/Pusat boleh menghubungi:

**Prasiswazah**

En. Muhamad Izham Azmil di talian 03-8911 8451/ emel: [muhamadizham@ukm.edu.my](mailto:muhamadizham@ukm.edu.my)

**Pascasiswazah**

Cik Suhaida Abd Rahman di talian 03-8911 8388/ emel: [suhaida@ukm.edu.my](mailto:suhaida@ukm.edu.my)

Kerjasama pihak Fakulti/Institut/Pusat adalah sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**ROHANA TAN**

Timbalan Pendaftar

Pusat Pengurusan Akademik

s.k.: - Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)

- Pengarah  
Pusat Kembangan Pendidikan

- Pengarah  
Pusat Siswazah

- Pengarah  
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)

- Pengarah  
Pusat GENIUS@Pintar Negara

- Encik Munzir Zainudin  
Ketua Penolong Pendaftar  
Pusat GENIUS@Pintar Negara

**(Tuan adalah diminta untuk memaklumkan senarai kursus yang perlu diambil oleh pelajar ASASpintar kepada Fakulti/Pusat berkaitan. Terima kasih.)**



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my

Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



[www.ukm.my](http://www.ukm.my)